

18/10/1999

F1 beri manfaat untuk rakyat: PM

Kadir Dikoh

SEPANG, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menolak andaian sesetengah pihak bahawa perlumbaan Formula Satu (F1) Grand Prix Malaysia Petronas 1999 di Litar F1 Sepang, tidak menguntungkan rakyat jelata terutama golongan miskin di luar bandar.

Perdana Menteri berkata, apa juga yang membantu membangunkan negara akan memberikan hasil sampingan yang berguna kepada golongan miskin, terutama dari segi pelaburan dan pelancongan.

"Kita dapati dulu Malaysia tidak dikenali, tetapi dengan adanya sukan bermotor ini terutama F1 sekarang, dunia tahu di mana Malaysia dan kita dapati minat mereka untuk datang ke negara ini semakin bertambah.

"Jadi pendedahan ini lebih berharga daripada pelaburan dalam pengiklanan (bernilai) ratusan juta. Beberapa jam yang kita ada hari ini sebelum perlumbaan dan ketika perlumbaan ditayangkan adalah Malaysia dan mereka dapat melihat "The Right Formula Malaysia", Petronas Malaysia, bendera Malaysia.

"Jadi ini memperkenalkan negara kita kepada orang asing. Dengan itu, kita dapati minat mereka untuk datang ke Malaysia tentu akan bertambah," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang perlumbaan F1 itu, di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, dengan meningkatnya jumlah pelancong ke negara ini, sudah pasti akan memberikan banyak manfaat sampingan terutama dari segi peluang pekerjaan.

"Orang di kampung-kampung juga akan dapat manfaat kerana kerajaan memperolehi hasil daripada ini. Hasilnya banyak dari segi pelaburan, dari segi pelancongan dan banyak lagi," katanya.

Oleh itu, kata beliau, adalah tidak tepat untuk menyatakan bahawa perlumbaan F1 ini tidak menguntungkan masyarakat kampung secara tidak langsung, banyak faedah sampingan boleh diraih oleh rakyat termasuk di luar bandar.

"Sebenarnya, apa yang kita lihat hari ini, saya sendiri tak mimpi... nak lihat satu perlumbaan bertaraf dunia di Malaysia, apatah lagi mendengar mereka memuji Malaysia," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, disiplin yang dipraktikkan pelumba-pelumba profesional seperti F1 harus diteladani atlit negara dalam usaha mencapai kejayaan di peringkat antarabangsa.

"Saya dapati mereka seperti (Michael) Schumacher dan (Mika) Hakkinen begitu disiplin sekali. Sebab itulah mereka boleh menang. Kita bila dah menang sikit dah hilang disiplin.

"Bangsa yang tidak berdisiplin tidak mungkin akan berjaya," katanya sambil menasihatkan golongan muda supaya belajar memahami mengenai pentingnya disiplin.

"Kerajaan boleh buat apa saja, trek ini dan sebagainya tetapi kalau tidak ada disiplin, tak bolehlah," katanya.

Dr Mahathir berkata, selepas kejohanan F1 ini, kegiatan di litar itu akan dipertingkatkan dengan pelbagai bentuk sukan permotoran seperti go-kart dan perlumbaan kereta 4x4 kerana ia bukan saja dibina untuk F1.

Sementara itu, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang turut ditemui selepas perlumbaan F1 itu berakhir berkata, semua pihak terutama warga asing yang datang ke sini memuji Litar F1 Sepang itu kerana kecanggihan peralatannya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, sebahagian mereka menyatakan tidak

pernah melihat kehebatan seperti kemudahan yang ada di situ, di tempat lain di dunia ini termasuk dari segi penganjuran yang cekap.

"Mereka yakin perlumbaan ini akan menjadi satu-satunya yang cukup berjaya. Saya rasa amat gembira sekali mendengar ulasan positif mereka yang menyertai perlumbaan itu.

"Ini membuktikan bahawa kita Malaysia walaupun sedang membangun, jika kita berusaha bersungguh-sungguh dan bekerja kuat serta menunjukkan kebolehan kita, maka akhirnya hasil kerja itu boleh menandingi mana-mana acara yang diadakan di negara-negara maju," katanya.

Mengenai dakwaan sesetengah pihak konon perlumbaan F1 itu cuma menguntungkan orang di bandar serta peminat kereta lumba, beliau berkata, ia sebenarnya memberi keuntungan kepada negara dari segi pelancongan dan kemajuan industri automotif.

Beliau berkata, akhirnya apabila negara meraih keuntungan, penduduk di kampung juga akan mendapat manfaat dengan kepesatan industri pelancongan serta berupaya menarik pelaburan yang menguntungkan semua.

(END)